

Headline	Langkah tepat pacu sektor perumahan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	08 Jan 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	55	ArticleSize	319 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 10,996
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim	PR Value	RM 32,989
Frequency	Daily		



PENGENALAN MODEL BAHARU PENSWASTAAN KEDIAMAN MAMPU MILIK

# Langkah tepat pacu sektor perumahan



Soam Heng Choon

REHDA yakin kerajaan bakal ubah suai dasar lama seiring perkembangan semasa

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengenalan model baharu penswastaan bagi menyediakan lebih banyak kediaman mampu milik disifatkan langkah tepat dalam memacu sektor perumahan dan industri berkaitan, sebaliknya melonjak pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Presiden Persatuan Pemaju

Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Soam Heng Choon, berkata, pihaknya mengadakan pertemuan bagi membincangkan usaha sama itu baru-baru ini, namun keputusan muktamad berhubung perangkaan model baharu berkenaan masih diteliti.

## Bukan isu baharu

Menyifatkan model baharu penswastaan bukan isu baharu, beliau yakin, kerajaan diterajui Pakatan Harapan (PH) akan membuat beberapa pengubah-suaian terhadap dasar lama seiring perkembangan semasa dalam sektor perumahan.

"Kita tidak boleh meletakkan kebergantungan untuk mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik di bahu kerajaan semata-mata, justeru model baharu penswastaan bagi menggalakkan penyertaan kami dalam sektor ini amat bertepatan.

"Meskipun belum dimuktamadkan, siri perbincangan kini diadakan, termasuk membabit-

kan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menjadi pemacu keberkesanan serta kejayaan mewujudkan rumah mampu milik untuk manfaat rakyat.

"Difahamkan, esok kita (REHDA) dijemput untuk menghadiri Majlis Perumahan Mampu Milik bersama Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, semalam dilaporkan berkata, kerajaan akan memperkenalkan model baharu penswastaan yang bakal menyaksikan penyertaan lebih besar sektor swasta untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat.

Menerusi model baharu berkenaan, beliau berkata, penyediaan rumah mampu milik bukan tertakluk kepada tanggungjawab kerajaan semata-mata, sebaliknya turut disertai peranan sektor swasta dan mewujudkan rantaian aktiviti eko-

nomi domestik.

Heng Choon mengakui sektor perumahan hanya menyumbang sekitar lima peratus kepada KDNK, namun kesan limpah kepada industri berkaitan di negara ini sangat jelas dan memberi keyakinan kepada rakyat.

## 140 industri dapat manfaat

"Lebih 140 industri akan menerima manfaat daripada perkembangan sektor perumahan negara, contohnya kejurutearan, guaman, pengiklanan, media dan pengangkutan, sebaliknya menjana kesan rantai ekonomi domestik seperti ditekankan kerajaan.

"Tanpa perkembangan sektor perumahan, syarikat pengiklanan tidak akan mempunyai keperluan untuk meletakkan sebarang hebat pada media, justeru, antara kesan limpah yang bakal dicetuskan jika model baharu penswastaan berupaya dilaksanakan," kata dia.